



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Jalan Bukit Kecil,
20604 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Rujukan Kami : PT.06051-38/1/(28)
Tarikh : 02 April 2019

Encik Saiful Adli bin Mokhtar
Ketua Pegawai Eksekutif,
XUsed Worldwide Solutions Sdn Bhd,
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park,
No.1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1,
40150 Shah Alam, Selangor.

Tuan,

KEBENARAN DAN SOKONGAN BAGI MENGADAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED : LEARN AND EARN 2019" DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI TERENGGANU

Dengan hormatnya surat tuan rujukan XU/2019/04/04/JPNT bertarikh 3 April 2019 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, jabatan ini **tiada halangan** untuk pihak tuan berurusan dengan **pihak pentadbir di sekolah** seperti permohonan tuan kepada pihak kami. Kelulusan ini **terhad untuk urusan dengan pentadbir sekolah** bagi hal-hal yang berkaitan tanpa sebarang unsur paksaan dan implikasi kewangan kepada mana-mana pihak.

3. Walau bagaimanapun, pihak tuan hendaklah berurusan dengan Pegawai Pendidikan Daerah yang terlibat di dalam pelaksanaan program ini serta dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut.

- 3.1. Mendapatkan kebenaran dan kerjasama daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan;
- 3.2. Tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran murid dan guru;
- 3.3. Pihak sekolah **tidak boleh dipaksa** untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan;
- 3.4. Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.5. Segala peraturan yang sedia ada dan sedang berkuatkuasa di sekolah hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- 3.6. Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.7. Guru/guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 3.8. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.9. Segala kos hendaklah ditanggung oleh pihak tuan;

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)



**KEBENARAN DAN SOKONGAN BAGI MENGADAKAN PROGRAM KITAR SEMULA
"XUSED : LEARN AND EARN 2019" DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI
TERENGGANU**

Rujukan Kami : PT.06051-38/1/(28)

Tarikh : 22 April 2019

- 3.10. Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.11. Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut; dan
- 3.12. Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar yang sedang berkuat kuasa.


4. Untuk makluman, pihak sekolah hendaklah mamatuhi Garis Panduan Standard Operasi Prosedur (SOP) Melindungi Masa Instruksional (MMI) dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan sekolah bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.

5. Kelulusan ini (**Kebenaran dan Sokongan bagi Mengadakan Program Kitar Semula "Xused:Learn And Earn 2019" di Sekolah-Sekolah Seluruh Negeri Terengganu**) hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **22 November 2019.**

Sekian, terima kasih.

**"Memperkasakan Transformasi Pendidikan
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI SHAFRUDDIN BIN HAJI ALI HUSSIN, P.J.C., P.J.K.

Pendaftar Institusi Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu,
b.p Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

sk

1. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan
62604 Putrajaya.
2. Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu